

# KATA KERJA BERSIRI DALAM BAHASA MELAYU

*Rogayah A. Razak*

rogayah@medic.ukm.my

Program Sains Pertuturan  
Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi  
Fakulti Sains Kesihatan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Norizan Rajak*

norizanrajak@yahoo.com

Urbane Ethos Sdn Bhd  
Pusat Intervensi Awal Komunikasi

## Abstrak

Makalah ini mengupas ciri sintaksis dan jenis binaan kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu khususnya yang terdapat dalam dialek Kedah dan dialek Melaka. Kata kerja bersiri dapat didefinisikan secara kasar sebagai struktur yang mempunyai dua atau lebih kata kerja berentetan KK1 KK2 seperti: [FN KK1 (FN2) KK2 (FN3)] tanpa kehadiran sebarang penanda koordinat atau subordinat secara ketara. Berdasarkan definisi ini enam kategori kata kerja bersiri telah dihasilkan. Sifat kata kerja bersiri juga telah diperincikan. Baker (1989) mengemukakan beberapa jenis kata kerja bersiri yang dapat dianggap sebagai kata kerja bersiri semu khususnya yang berbentuk [FK KK KN KK KN]. Antara kata kerja bersiri yang Baker tidak kategorikan sebagai kata kerja bersiri termasuklah yang berbentuk [FK KK KK KN KPen] seperti kata kerja bersiri gerak. Walau bagaimanapun, makalah ini ingin membuktikan bahawa kata kerja bersiri gerak wujud dalam bahasa Melayu khususnya dalam dialek Melayu Kedah. Tiga ujian diagnostik seperti ujian penafian, ujian pengekstrakan argumen dan ujian intonasi memperlihatkan perbezaan antara kata kerja bersiri yang berbeza tingkah lakunya berbanding dengan kata kerja dalam ayat sematan.

Kata kunci: proses, klausa, nahu fungsional, wacana, lakuan, minda, keadaan, kewujudan

***Abstract***

*This article will analyse the syntactic properties of Malay and the types of serial verbs in Malay especially those prevalent in the Kedah and Melaka Malay dialects. Serial verbs can be roughly defined as containing two or more verbs in sequence such as the construction: NP V1 (NP2) V2 (NP3) without overt coordination or subordination markers. Based on this definition, six categories of serial verbs are postulated. The characteristics of serial verbs are also described. Baker (1989) discussed the types of serial verbs which are considered as proper serial verbs but which did not include motion serial verbs. Baker (1989) posits a few types of serial verbs which he regards as serial verb proper such as structure [VP V V N Det]. One type of structure, [VP V N V N] that exists in Malay is the for example are an example of those which Baker did not consider as serial verbs. This article argues that directional serial verbs are legitimate serial verb constructions in Malay especially in DMK. Three diagnostic tests namely negation, extraction of arguments and intonation were applied to these serial verbs constructions. They demonstrate the difference in behavior among serial verbs versus the embedded or coordinate clauses.*

*Keywords: process, clause, functional grammar, active process, mental process, situational process, experiential*

**PENDAHULUAN**

Kata kerja bersiri (*serial verbs*) menarik perhatian ahli bahasa kerana melibatkan bahasa-bahasa yang mempunyai sistem morfosintaksis yang pelbagai, iaitu daripada bahasa serantau Asia Tenggara yang sistem morfologinya isolatif hinggalah kepada bahasa infleksional dengan aturan kata yang berlainan. Namun begitu, kesemuanya masih mempamerkan ciri struktural yang serupa. Binaan kata kerja bersiri wujud dalam kebanyakan bahasa Carribean; pijin dan kreole Tok Pisin; bahasa Afrika Barat; bahasa seperti Mandarin dan Korea; juga bahasa Austronesia seperti bahasa Lewo (Early, 1993) dan bahasa Vanuatu; serta bahasa Papua, seperti Jabem dan

Numbami (Bradshaw, 1983). Makalah ini menghujahkan bahawa bahasa Melayu juga mempunyai binaan kata kerja bersiri ini.

Kajian ini mempunyai beberapa matlamat. Pertama adalah untuk membuktikan bahawa binaan kata kerja bersiri wujud dalam bahasa Melayu kolokial, kedua untuk memberi sifat kata kerja bersiri, dan ketiga membuktikan melalui ujian diagnostik sintaksis bahawa kata kerja bersiri merupakan satu konstituen yang utuh.

## **POLEMIK TENTANG KONSTRUKSI KATA KERJA BERSIRI**

Terdapat perdebatan tentang cara binaan kata kerja bersiri ini dikendalikan dalam sesuatu kerangka sintaksis. Antaranya:

- (a) Wajarkah kata kerja bersiri dilihat sebagai berbeza secara struktural daripada kata kerja lazim, seperti kata kerja implikatif, kata kerja kawalan, atau ayat koordinat, iaitu apabila frasa kerja dan kata kerja digabungkan atau menjadi binaan yang membawa makna bermatlamat atau penghasilan. Sebba (1987) dan Baker (1989) telah menunjukkan secara tuntas bahawa perilaku sintaksis kata kerja bersiri dalam bahasa, seperti Saramacca dan Saranan adalah berbeza dan mempunyai struktur kata kerja yang berbeza daripada struktur yang disebutkan di atas. Makalah ini akan membuktikan bahawa kata kerja bersiri bahasa Melayu berbeza daripada kata kerja lazim.
- (b) Bolehkah kata kerja bersiri terbentuk sebagai mewakili satu struktur sahaja, iaitu sama ada klausa koordinat atau klausa subordinat? Kebanyakan perbincangan tentang kata kerja bersiri cuba mengkategorikan binaan ini kepada dua, iaitu sama ada ayat koordinat atau ayat subordinat. Walau bagaimanapun, Seuren (1991), Zwicky (1990) dan Durie (1993:295) mencadangkan bahawa tidak semua kata kerja bersiri boleh dihuraikan sebegitu. Banyak penjelasan dan takrifan telah diberi kepada konsep kata kerja bersiri. Terdapat juga analisis yang menggunakan kriteria semantik untuk mengklasifikasikan kata kerja bersiri tanpa merujuk ciri sintaksisnya.

## FENOMENA KATA KERJA BERSIRI: DEFINISI DAN TINJAUAN RINGKAS

Kata kerja bersiri dapat didefinisikan secara kasar sebagai struktur yang mempunyai dua atau lebih kata kerja berentetan seperti: FN KK1 (FN2) KK2 (FN3) tanpa kehadiran sebarang penanda koordinat atau subordinat secara ketara, seperti (1).

- (1) é nÒ tsi kù (Ewe: Lord 1973)  
Dia minum air mati  
“Dia mati lemas”

Satu lagi sifat kata kerja bersiri ialah kedua-dua kata kerja ini berkongsi subjek ketara (*overt subject*) yang sama (Jansen, Koopman & Musyken, 1977). Dalam contoh ayat (1), kedua-dua kata kerja “minum” dan “mati” berkongsi subjek, iaitu ganti nama diri dia. Kata kerja tersebut mestilah merupakan kata kerja leksikal (Sebba, 1987).

Definisi ini agak kabur dan berdasarkan susunan linear ayat juga tidak dapat membezakan bahasa yang mempunyai struktur bersiri berbanding dengan bahasa yang tidak mempunyai struktur bersiri. (Schiller, 1990; dan Seuren, 1990).

Ciri berikut dipersetujui oleh kebanyakan penyelidik sebagai mewakili kata kerja bersiri.

- (a) Kata kerja berkluster ini berkongsi hanya satu subjek yang diungkapkan dengan ketara secara sintaktik (Jansen, Koopman dan Musyken, 1978) sebagaimana ditunjukkan dalam (1). Walau bagaimanapun, Baker (1989) menekankan bahawa takrifan kata kerja bersiri semu beliau ialah yang berkongsi hanya satu objek, dan yang diungkapkan dengan ketara secara sintaktik. Contoh klasik, kata kerja dwitransitif yang berkongsi satu objek seperti dalam (2) “Amba” ialah objek yang dikongsi bersama oleh kata kerja “pukul” dan “bunuh”.

- (2) Kofi naki Amba kiri (Sranan : Baker, 1989)  
Kofi pukul Amba bunuh  
“Kofi pukul Amba (sehingga) mati”

Oleh itu, kata kerja bersiri lebih tepat dihuraikan sebagai binaan yang berkongsi argumen sama ada perkongsian subjek mahupun objek.

- (a) Aksi yang diungkapkan oleh kata kerja tersebut sama ada berlaku pada waktu yang sama ataupun pada waktu yang berurutan bagi sesuatu peristiwa. Sebaliknya pula, bahasa yang tidak ada struktur bersiri menggunakan kata kerja tunggal atau kata kerja kompleks dan juga menghuraikan peristiwa yang berbeza.
- (b) Semua kata kerja kompleks berkongsi ciri gramatikal, seperti kala, aspek, kata bantu dan unsur polariti seperti kata nafi.
- (c) Kata kerja bersiri selalunya mempunyai pola ciri intonasi yang sama seperti klausa yang mempunyai kata kerja tunggal. Bagi bahasa Melayu, terdapat intonasi menurun pada elemen akhir klausa diikuti oleh kesenyapan pendek bagi menandakan gatra akhir klausa tersebut.

## **KATA KERJA BERSIRI DALAM BAHASA MELAYU KOLOKIAL**

Makalah ini ingin mengusulkan bahawa kata kerja bersiri wujud dalam bahasa Melayu berdasarkan contoh daripada bahasa kolokial seperti dialek Melayu Melaka (DMM) dan dialek Melayu Kedah (DMK). Pada amnya kata kerja bersiri yang ditemukan mempunyai pola kompleks [KK KK] bagi kombinasi kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Terdapat sebilangan kecil kata kerja transitif sebegini mempunyai pola kompleks transitif yang dwiargumen dan triargumen dengan pola [KK FN KK (FN)]. Ekoran daripada analisis Durrie (1993) yang mencadangkan klasifikasi fungsional kata kerja bersiri, bukti sintaksis yang menyokong klasifikasi ini akan dibincangkan dalam bahagian bukti sintaksis. Contoh berikut memaparkan kategori kata kerja bersiri yang ada dalam bahasa Melayu kolokial.

### **Kategori 1: Kata Kerja Siri Gerak**

Kata kerja bersiri gerak lazimnya mempunyai salah satu daripada kata kerja tersebut sebagai kata kerja gerak, contohnya *pi* atau *mai* dan mereka berkongsi subjek atau pelaku yang sama.

- (3) Ali tangkap pi ikan kat bendang. (DMK)
- (4) Ali ambik mai adik dia semalam. (DMK)
- (5) Din bawak naik bungkusan tu kat atas. (DMM, DMK)
- (6) Din hantak balik buku tu/Dia hantau balik buku tu. (DMK/DMM)

## **Kategori 2: Kata Kerja Bersiri Adverba**

Kata siri adverba mempunyai hanya satu kata kerja dalam struktur kompleks bersiri, iaitu menghuraikan cara aksi sesuatu kata kerja dilakukan. Terdapat tiga subjenis:

- (a) **Kata Kerja Bersiri Aspek** ialah kata kerja “habis”, iaitu menandakan tamatnya sesuatu perbuatan.
  - (7) Dia dah habis buat kueh.
- (b) **Kata Kerja Bersiri Kata Bantu** ialah kata kerja membawa makna upaya.
  - (8) Dia tahan dudok rumah Min tu. (DMM)
  - (9) Dia mampu beli rumah dua biji. (DMM)
- (c) **Kata Kerja Bersiri Cara** mempunyai satu kata kerja yang menyampaikan maksud penyempurnaan perbuatan kata kerja tersebut. Contohnya, (10) habis mempunyai makna yang berbeza daripada ayat (7) di atas. “Habis” menekankan kesempurnaan perbuatan tersebut dan bukan hanya aksi menarik tetapi juga merangkumi makna bahawa langsir itu ditarik dengan gopoh-gapah sekali.
  - (10) Dia tarik habis langsir semua!

Siri cara yang lain juga menggunakan perkataan “pakai” yang menandakan perbuatan dilakukan dengan sengaja.

- (11) Dia pakai ambik barang orang. (DMM)

### **Kategori 3: Kata Kerja Bersiri Alat atau Instrumental**

Kata kerja bersiri instrumental pada dasarnya mengandung dua kata kerja dalam klausa berkonfigurasi [KK FN KK FN]. Lazimnya kata ini membawa makna instrumental, seperti dalam bahasa Sranan, bahasa Kalam daripada bahasa Papua New Guinea. Bahasa ini mempunyai kata kerja yang memperkenalkan argumen instrumental pada posisi awal seperti ayat (12). Walau bagaimanapun, aturan yang berbeza didapati bagi bahasa Melayu seperti (13-14), juga bahasa Taba (Makian Dalam) daripada Indonesia Timor seperti (15) argumen instrumental berada pada akhir ayat. Agak menarik kerana didapati kedua-dua opsyen ini diperhatikan wujud bagi DMK seperti dalam (13b).

- (12) Mi e teki a nefe koti a brede  
saya ASP ambil itu pisau potong itu roti  
“Saya memotong roti itu dengan pisau”

(Saranan: Jansen, Koopman & Musyken, 1978)

- (13a) Dia kait rambutun guna galah. (DMK)  
(13b) Dia guna galah kait rambutun. (DMM)

- (14) Dia masak lauk guna ajinomoto. (DMM).

- (15) N-pun bobay n-pake sandal.  
GND3-bunuh nyamuk GND3-guna penyepit“  
Dia bunuh nyamuk dengan penyepit.”

(Taba, Makian dlm. Bowden, 1997)

### **Kategori 4: Kata Kerja Bersiri Benefaktif**

Dalam kata kerja bersiri jenis ini terdapat kata kerja “beri” yang lazimnya mempunyai tiga argumen tetapi dalam kontruksi bersiri hanya mempunyai dua argumen. Kata kerja “beri” mengagihkan peranan benefaktif atau matlamat kepada argumennya. Dalam konteks kata kerja bersiri, KK2 menerangkan peristiwa utama yang dinyatakan dalam KK1 seperti dalam contoh (16).

- (16) Dia beli bunga bagi aku. (DMM)

Dalam variasi lain seperti bahasa Melayu Bazaar, didapati kata yang lain digunakan untuk menyampaikan maksud benefaktif atau matlamat. Binaannya mirip kepada data DMM.

(17) Dia beli bunga kasi aku. (Melayu Bazar)

### **Kategori 5: Kata Kerja Bersiri Kausatif**

Lazimnya, dalam kata kerja bersiri sebegini, kata kerja yang mengandungi maksud kausatif akan berlaku dahulu diikuti oleh kata kerja kedua yang selalunya menandakan efek atau kesan. Di sini, KK1 dan KK2 berkongsi subjek dan objek seperti dalam (18).

(18) Dia buat adik dia nangis/keriau. (DMM/DMK)

### **Kategori 6: Kata Kerja Bersiri Bukan-gerak**

Dalam bahasa Melayu, kita juga mempunyai kata kerja bukan-gerak yang selalunya merangkumi kata kerja kedudukan “postural” sebagai kata kerja pertama dalam siri KK KK yang lazimnya tak transitif. Lihat contoh (19) dan (20) sebagai contoh.

(19) Dia dudok makan buah tu.  
(dialek selain daripada dialek Kedah)

(20) Dia bangun angkat dulang pi dapur. (DMK)

## **BUKTI SINTAKSIS BAGI KATA KERJA BERSIRI BAHASA MELAYU**

Dalam bahagian ini, bukti sintaksis, bukti fonologikal dan juga bukti komparatif antara bentuk bersiri dan bentuk bukan-bersiri dalam bahasa Melayu akan diberi untuk menyokong andaian bahawa kata kerja bersiri wujud dalam bahasa Melayu.

Andaian asas kata kerja bersiri ialah kesemua struktur kompleks kerjaan ini terkandung dalam satu klausa (klausa tunggal) dan berbeza daripada binaan dwiklausa yang terdapat dalam ayat sematan. Kelihatan bahawa terdapat perbezaan sintaksis dalam perilaku kata kerja bersiri



apabila diaplikasikan penafian (*negation*) dan pengestrakan argumen (*argument extraction*).

### **Pembuktian daripada Kata Nafi**

Pada umumnya, ujian diagnostik penafian ialah ujian yang paling efektif untuk menguji konstruksi bersiri [KK KK]. Walau bagaimanapun, untuk kata kerja bersiri yang berkonfigurasi [FN KK FN KK FN], ujian diagnostik yang paling efektif ialah pengestrakan argumen, iaitu mengeluarkan argumen daripada gatra asas kepada gatra yang baharu. Hal ini demikian kerana bagi kata kerja bersiri [KK FN KK FN], kata kerja ini mempunyai argumennya yang terpisah dan berada pada kedudukan yang agak jauh jaraknya antara satu sama lain tetapi membentuk satu konstituen. Oleh itu, penafian dibenarkan bagi sesuatu kata kerja atau kata kerja yang lain walaupun konfigurasi ini berada dalam dua klausa yang berbeza.

Dalam kata kerja bersiri gerak, kata kerja kedua tidak membenarkan penafian dijalankan. Contoh (21) memperlihatkan bahawa penafian keseluruhan kata kerja kompleks *lepai pi* dibenarkan.

(21) Ali tak *lepaih pi* anak dia sorang-sorang. (DMK)

Sebaliknya, penafian kata kerja kedua tidak dibenarkan seperti dalam (22). ‘\*’ menandakan ketakterimaan ayat tersebut.

(22) \* Ali *lepaih tak pi* anak dia sorang-sorang.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya kita ada *pi* sebagai kata kerja awal, kelihatan perilaku penafian yang berbeza seperti dalam (23) dan (24).

(23) Ali *pi lepaih* anak dia sorang-sorang.

(24) Ali *pi tak lepaih* anak dia sorang-sorang.

Kompleks kerjaan dalam (23) ialah dwiklausa dan ini jelas ditunjukkan melalui keupayaan penafian untuk berlaku selepas kata kerja *pi*. Maksudnya kata kerja “*lepaih*” terkandung dalam satu klausa sematan, dan bukan merupakan binaan kata kerja bersiri.

Kata kerja bersiri gerak yang lain juga menunjukkan perilaku yang serupa seperti kata kerja “pergi”, iaitu kata kerja keduanya tidak membenarkan penafian berlaku terhadapnya seperti (26). Ayat (25) menunjukkan hasil diterima apabila kata kerja pertama dikenakan penafian.

(25) Din tak bawak naik bungkusan tu kat atas.

(26) \* Din bawak tak naik bungkusan tu kat atas.

Kata kerja bersiri adverbial juga menunjukkan perilaku sintaksis yang serupa dengan kata kerja bersiri gerak.

(27) Dia tak habis buat kueh.

(28) \* Dia habis tak buat kueh.

Ayat (28) ialah ayat yang tak diterima kerana makna yang dibawa oleh penafian bukanlah makna aspektual yang menandakan ketidaksempurnaan aksi membuat kueh. Sekiranya inilah makna yang ingin disampaikan, maka didapati bahawa diperlukan kewujudan kata hubung tapi pada ayat tersebut seperti (29).

(29) Dia habis tapi tak buat kueh.

“Dia habis (buat kerja lain) tapi tak habis buat kueh.”

Subjenis lain seperti kata kerja bersiri aspektual, kata kerja bersiri modal dan kata kerja bersiri cara juga memperlihatkan perilaku yang serupa apabila diaplikasikan penafian. (30a) dan (30b) menunjukkan kontras bagi kata kerja bersiri modal.

(30a) Dia tak mampu beli rumah dua biji. (DMK)

(30b) \*Dia mampu tak beli rumah dua biji. (DMK)

(31a) dan (31b) mempamerkan kontras apabila penafian diaplikasikan kepada kata kerja bersiri cara.

- (31a) Dia tak pakai ambik barang orang.  
(31b) \* Dia pakai tak ambik barang orang.

Perbincangan ini menunjukkan bahawa unsur penafian tidak dapat diselitkan antara unsur kata kerja bersiri kerana akan menghasilkan perubahan makna ataupun menyebabkan ketakterimaan ayat tersebut. Oleh itu, kata kerja bersiri ialah satu konstituen yang mantap.

## **BUKTI DARIPADA PENGEKSTRAKAN ARGUMEN**

Kemungkinan pengekstrakan argumen FN daripada sesuatu kata kerja dalam kata kerja bersiri menandakan bahawa struktur tersebut bukan daripada struktur koordinat dan bukan juga sebahagian daripada klausa sematan atau klausa hasilan.

Ujian diagnostik sintaksis sebegini amat berguna untuk binaan kata kerja bersiri [FN KK FN KK]. Bagi tujuan ilustrasi, pengekstrakan pergerakan-wh akan digunakan di sini. Didapati bahawa kata kerja bersiri instrumental dan benefaktif membenarkan pengekstrakan argumen yang dikongsi bersama dalam pergerakan-wh bagi pembentukan ayat Tanya-wh.

(32) Dia kait rambutan guna galah. (DMM).

(33) Apa yang dia kait \_\_\_ guna galah?

Sebaliknya pula, pengekstrakan yang sama adalah mungkin sekiranya frasa pertama, iaitu “guna galah” digunakan dan tidak frasa yang kedua seperti (34) dan (35).

(34) Dia guna galah kait rambutan. (DMK)

(35) Apa yang dia guna \_\_\_ kait rambutan?

Perilaku sintaktik yang serupa diperhatikan berlaku dalam kata kerja bersiri benefaktif seperti dalam (36) dan (37) yang memperlihatkan pengekstrakan dibenarkan.

(36) Dia beli bunga bagi aku la. (DMM)

(37) Apa yang dia beli \_\_\_ bagi aku?


Di samping itu, dalam bahasa Melayu, struktur dwiklausa seperti ayat sematan akan membenarkan pengestrakan argumen-wh dalam klausa sematan. Berbeza halnya dengan binaan kata kerja bersiri bahasa Melayu. Ayat sematan dalam (38) menunjukkan bahawa pengestrakan dapat berlaku sementara dalam binaan kata kerja bersiri seperti (39), tidak boleh berlaku.

- (38)a. Dia ingat Ali makan apa?  
(38)b. Apa (yang) dia ingat Ali makan \_\_\_ ?
- (39)\* Apa yang dia guna galah kait \_\_\_ ?
- (40) \* Siapa yang dia beli bunga bagi \_\_\_ ?

Pembuktian daripada pengestrakan argumen pula memperlihatkan bahawa bagi kata kerja bersiri benefaktif dan kata kerja bersiri alat atau instrumental membenarkan pengestrakan argumen. Pengestrakan argumen hanya dibenarkan dalam klausa sematan tetapi tidak dibenarkan dalam konstruksi kata kerja bersiri.

## BUKTI INTONASI

Ayat penyata bahasa Melayu lazimnya mempunyai intonasi menurun bagi elemen terakhir dalam ayat dan terdapat jeda atau kesenyapan pendek pada akhir ayat. Ciri intonasi kata kerja yang mengandungi kata kerja bersiri ialah binaan yang tidak memperlihatkan jeda atau kesenyapan, atau intonasi menurun. Contoh ujaran (40) memperlihatkan ciri pola intonasi yang sering digunakan dalam klausa kata kerja bersiri dan juga menunjukkan bahawa terdapat jeda di antara klausa dalaman dalam ayat tersebut.



(40) Dia    ajak    pi    tahan    tangkapburung    la (KM)

## KESIMPULAN

Makalah ini telah membincangkan fenomena kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu khususnya dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Melaka. Ciri kata kerja bersiri telah dikenal pasti dan hasilnya enam kategori kata kerja bersiri telah dapat diklasifikasikan. Ujian diagnostik sintaksis, iaitu penafian, pengekstrakan argumen dan intonasi telah membuktikan bahawa konstruksi kata kerja bersiri ialah satu konstituen dan bukan merupakan dua kata kerja yang berbeza bagi ayat sematan ataupun koordinat. Kupasan dalam makalah ini diharapkan dapat mencetuskan banyak lagi perbincangan tentang kata kerja bersiri dalam bahasa Melayu pada masa hadapan.

## RUJUKAN

- Baker, Mark, "Object Sharing and Projection in Serial Verb Constructions" dlm. *Linguistic Inquiry* 20:4, hlm. 513-53, 1989.
- Bowden, John, 1997. "*Taba (Makian Dalam) Description of an Austronesian Language from Eastern Indonesia*". Unpublished dissertation. Dept of Linguistics and Applied Linguistics, University of Melbourne.
- Chomsky, Noam, 1986. *Knowledge of Language: Its Nature, Origin, and Use*. Pragger: New York
- Durie, Mark, 1997. "Grammatical Structures in Verb Serialization" dlm. Alex Alsina *et al.* (eds.), *Complex Predicates*. Stanford California: CSLI Publications.
- Early, Robert, "Nuclear Layer Serialization in Lewo" dlm. *Oceanic Linguistics* 32:1, 65-93, 1993.
- Jansen, Bert, Hilda Koopman & Pieter Muysken, 1978. *Serial Verbs in the Creole Languages*. University of Amsterdam Institut voor Algemene Taalwetenschap. Amsterdam Creole Studies II.
- Koopman, H., 1984. *The Syntax of Verbs: From Verb Movement in the Kru Languages to Universal Grammar*. Foris: Drecht.
- Li, Charles N & Sandra Thompson, 1973. *Serial Verb Constructions in Mandarin Chinese. You Take The High Node and I'll Take the Low Node* ed. by Corum Claudia, T. Stark and A. Weiser. 96-103. Chicago Linguistic Society.
- Lord, Carol, "Serial Verb in Transition" dlm. *Studies of African Linguistics*. 4:3, hlm. 269-96, 1973.
- Sebba, Mark, 1987. *The Syntax of Serial Verbs*. John Benjamins: Philadelphia.
- Sperlich, Wolfgang B., "Serial Verb Constructions in Namakir of Central Vanuatu" dlm. *Oceanic Linguistics* 32:1, hlm. 95-110, 1993.